

TADBIRAN ADAT PERPATEH

NEGERI SEMBILAN

(Satu Pengkajian Tadbiran Adat Dalam  
Bentuk Kejadian-nya Yang Sabenar  
Berlaku Sahari-hari).

Latehan Ilmiah

Untuk Memenuhi Keperluan Kelulusan

B.A. (Honours)

Jabatan Pengajian Melayu

oleh

ISMAIL AMBIA

UNIVERSITY MALAYA  
SINGAPORE  
MARCH, 1959

-: I S I - N Y A :-

Muka

PENGANTAR KATA ..... i

P E N G G A L

I :	PENDAHULUAN .....	1
II :	SUSUNAN - TADBIR .....	14
III :	PERHUBONGAN ANTARA ADAT DAN KERAJAAN DAN KEMERUSUTAN ADAT .....	73
IV :	PERTIKAIAN ANTARA ADAT DAN U.M.N.O. DI-REMBAU .....	102
V :	KESIMPULAN UMUM .....	111

PENGHUJONGAN

I :	SUMMARY .....	122
II :	SUMBER2 BACHAAN .....	125
III :	DI-ANTARA ORANG2 YANG DI-TEMUI .....	127
IV :	PERBILANGAN ADAT YANG MEMBERI PANDUAN .....	129
V :	PETA SEMPADAN2 JAJAHAN .....	134
VI :	PETA KEDUDOKKAN LUAK2 DAN DAERAH2 TADBIR ADAT .....	135

## PENGANTAR - KATA

### A. TUJUAN.

Hal Adat Perpatih ini bukan-lah satu perkara baru untuk di-tuliskan, beberapa banyak makalah<sup>2</sup>, buku<sup>2</sup> mengenai-nya telah pun di-siarkan, baik dari segi tadbiran mahu pun kemasyarakatan. Tetapi malang-nya hampir semua penulis<sup>2</sup> makalah dan buku<sup>2</sup> itu ada-lah meninjau hal Adat Perpatih ini dari jauh sahaja yaitu mereka tidak mendapatkan bahan<sup>2</sup> daripada pengalaman<sup>2</sup> dengan memasoki atau hidup dengan masyarakat itu sendiri, mereka ada-lah selalu-nya mendapatkan bahan<sup>2</sup> daripada sa-orang dua "informants", mungkin sa-orang Undang, atau Lembaga atau Buapak atau mungkin juga mereka menyambut bahan<sup>2</sup> yang telah sedia di-tuliskan. Oleh demikian penulisan-nya itu tidak akan dapat memberikan rupa keadaan yang sabenar-nya berlaku, atau dengan lain perkataan mereka menulis dalam bentuk "static" iaitu dalam bentuk teori-nya sahaja sedangkan dalam kejadian-nya sehari-hari ada-lah berbezaan. Sebagai yang di-nyatakan ini ada-lah di-sebabkan penulis<sup>2</sup> itu tidak membuat penyiasatan<sup>2</sup>-tempatan atau "field-research" yang luas dan semasak-masak-nya. Pada masa yang akhir<sup>2</sup> ini baru-lah terdapat sa-orang dua yang menjalankan "field-research" dengan sechara mendalam dan "scientific" iaitu Michael G. Swift di-Jelebu dan Diane Lewis di-Kampung Inas Johor, tetapi

mereka<sup>(1)</sup> ini belum lagi menuliskan atau membukukan segala hasil<sup>2</sup> penyiasaan-nya. Ya, buah<sup>2</sup> tulisan-nya memang sentiasa kita nanti<sup>2</sup>-kan kerana bukan sahaja amat berguna bagi keperluan ilmiah bahkan juga amat perlu kepada ahli<sup>2</sup> pentadbir di-Negeri Sembilan untuk panduan dalam kerja<sup>2</sup>-nya dan juga amat berguna bagi satu<sup>2</sup> r<sup>an</sup>changan untuk pembangunan kampung mithal-nya.

Dalam latehan ilmiah ini penulis akan chuba membicharakan hal tadbiran Adat Perpatih dalam bentok rupa-nya yang sabenar berlaku, umpama-nya kedudukan Yang di-Pertuan Besar, Undang, Lembaga, Buapak serta chara<sup>2</sup> pemilahan-nya pada hari ini, segala selok belok perjalanan tadbiran itu dan mungkin juga hal<sup>2</sup> yang kurang manis yang tidak nampak di-lihat dari luar akan di-sentuh juga dan selepas itu penulis akan memberikan satu gambaran sejauh mana-kah Adat ini maseh di-gunakan dan di-hargai.


#### B. BATASAN

Dalam latehan ilmiah ini, oleh kerana kekurangan masa dan juga kesingkatan ruangan, maka penulis akan membuat dua batasan,

- 
- 1 a) Michael G. Swift, dari London School of Economics, sekarang penolong pensharah di-Jabatan Pengajian Melayu, University of Malaya.
  - b) Diane Lewis, sa-erang Mahasiswa-lanjutan (post-graduate student) dari Cornell University, United States, maseh dalam penyiasaan-nya lagi.

pertama hal yang akan di-bicarakan ini semata-mata tertumpu kepada soal tadbiran dengan meninggalkan hal2 permasyarakatan, ekonomik dan lain2: kedua siasatan penulis ada-lah terhad kepada tiga luak sahaja iaitu Jelebu, Johol dan Rembau. Sebab penulis memilih luak2 tersebut ia-lah kerana, di-Jelebu berlaku baru2 ini pertikaian antara Lembaga dan Undang, bagitu juga di-Johol berlaku satu pertikaian antara Undang dan satu golongan pegawai2-nya, selain daripada itu, di-Jelebu Tuan Michael G. Swift pengurus latehan-ilmiah ini ada-lah membuat penyiasatan-nya di-situ dan di-Johol penulis mendapat pertolongan daripada saudari Diane Lewis kerana beliau ada-lah membuat penyiasatan-nya di-situ pula. Dan di-Rembau ada-lah tempat penulis di-peranakan dan di-besarkan.

### C. CHARA PENGKAJIAN

Sabahagian besar sumber2 dan  yang di-buat dalam latehan-ilmiah ini ada-lah daripada pengetahuan penulis sendiri sebagai sa-orang anggota dalam masharakat Adat Perpateh itu yang sama hidup dan memerhatikan perjalanan masharakat itu. Dalam hal teori-nya penulis telah membacha makalah2 dan buku2 yang telah sedia di-tuliskan.<sup>(2)</sup> Dan yang lebeh mustahak sekali ia-lah pertemuan2 penulis dengan Dato'2 Undang, Lembaga, Buapak2, erang2 biasa dari berbagai-bagai jenis penghidupan, ahli2 politik, ahli2 ugama, dan pegawai2 tadbiran yang termasek

---

2 Lihat sumber-pembachaan.

ketua2 kampung, penghulu2 mukim, kerani2 di-pejabat-tanah, pegawai2 jajahan, dan juga Pemangku Menteri Besar.

D. BERTERIMA-KASEH

Penulis mengambil kesempatan mengucapkan rasa terhutang budi kepada semua orang2 yang penulis temui yang telah memberikan segala kesudian-nya bagi menjawab pertanyaan2 penulis dan juga memberikan bahan2. Nama2 mereka itu terlalu banyak hendak di-chatitkan di-sini. Akhir-nya penulis terpaksa melafazkan terima-kaseh yang tidak terhingga kepada Tuan Michael G. Swift yang telah menjadi penyuluh-jalan dan pembimbing kepada penulis, bukan sahaja daripada nasehat2-nya yang amat berharga bahkan juga daripada kuliah2 dan makalah2-nya.

Ismail Ambia  
University of Malaya  
January, 1959.

Penggal VKesimpulan Umum

Tujuan pengajian ini boleh di-bahagikan kepada tiga rangka - besar iaitu mengkaji:-

1. Kedudukan yang sebenarnya tentang kuasa Yang di-Pertuan Besar, Undang, Lembaga, Buapak, pada masa dulu dan sekarang.
2. Kedudukan yang sebenarnya tentang pemilehan Yang di-Pertuan Besar, Undang, Lembaga, Buapak pada hari ini.
3. Sejauh mana-kah Adat itu maseh di-hormati dan di-hargai oleh Masharakat dan Kerajaan.

Berhubung dengan tujuan yang pertama beberapa kesimpulan boleh di-ambil.

a. Yang di-Pertuan Besar.

Sabelum British masok champor-tangan dalam tadbiran Negeri Sembilan satu kerajaan pusat bagi seluroh Negeri Sembilan sabagai yang terdapat hari ini belum ada wujud sunggoh pun jabatan Yang di-Pertuan Besar itu telah sedia wujud sejak lebeh kurang saratus tahun sabelum itu. Perbilangan "Alam beraja" dan anggapan "ketuanan" yang terchatit dalam perbilangan Adat Perpateh itu tidak mempunyai apa2 erti. Kedudukan Yang di-Pertuan Besar itu dari segi kewangan dan kuasa tadbiran tidak lebeh daripada sa-orang Undang bahkan mungkin lebeh burok lagi kedudukan-nya. Kawasan pemerentahan-nya terbatas kepada daerah2 sekeliling Sri Menanti

sahaja dan keadaan pendapatan-nya amat-lah mendukachitakan mengikut sabagaimana yang telah di-nilaikan oleh Wilkinson. Kuasa<sup>2</sup> istemewa-nya saperti Yang di-Pertuan "berkeadilan" dan "berkhalifah" itu ada-lah akuan<sup>1</sup>kosong belaka. Dato'<sup>2</sup> Undang itu sunggoh pun mereka berkehendakkan sa-orang Yang di-Pertuan Besar tetapi mereka tidak mahu Yang di-Pertuan Besar itu champor tangan dan mengambil kuasa tadbiran dalam luak<sup>2</sup>-nya itu. Dan bagi Yang di-Pertuan Besar hendak mendapatkan kuasa<sup>2</sup>-ny itu tidak pula mempunyai kekuatan. Apabila British champor-tangan pada tahun 1899, oleh kerana terutama-nya memandang dari segi kesenangan tadbiran<sup>1</sup> maka kedudukan Yang di-Pertuan Besar itu dengan serta merta di-naikkan kapada sa-orang "sultan" saperti di-negeri<sup>2</sup> lain itu. Dari perlembagaan Negeri Sembilan pada hari ini,<sup>2</sup>"semua urusan tadbiran kerajaan ada-lah di-jalankan atas nama-nya (Yang di-Pertuan Besar)." Ia di-beri hak bagi melantek sa-orang Menteri Besar, sa-orang Setia Usaha Negeri, sa-orang pegawai kewangan, ia ada-lah pengerusi bagi Majlis Meshuarat Negeri dan ketua Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu. Lebih mustahak bagi ia di-beri pension yang agak lumayan juga. Dan dengans semua-nya ini, sunggoh pun Yang Di-Pertuan itu tidak menjalankan segala kuasa<sup>2</sup>-nya dengan sendiri-nya, namun demikian dengan sendiri-nya kedudukan-nya menjadi tinggi sabagai sa-orang

- 
1. Pada pendapat penulis sendiri.
  2. Undang<sup>2</sup> Tuboh Negeri, 1948.



Yang di-Pertuan Besar bagi seluroh Negeri Sembilan. Oleh itu kedatangan British dan kedatangan tadbiran baru memberikan hak2 yang istimewa kepada Yang di-Pertuan Besar, dengan lain perkataan kuasa2 ada-lah di-berikan ka-dalam tangan-nya, sarupa-lah kedudukan-nya dengan Yang di-Pertuan Agong dengan kedatangan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu. Menepati betul peri-bahasa, "Bulat datang menggolek, pipis datang melayang!".

b. Undang.

Dalam membahaskan tentang kedudukan kuasa Undang ini kita boleh memandang daripada dua segi, pertama perhubungan-nya dengan pegawai2 di-bawah-nya seperti Lembaga dan Buapak dan kedua perhubungan-nya dengan tadbiran baru.

1. Perhubungan-nya dengan pegawai2 di-bawah-nya iaitu Lembaga dan Buapak.

Sakerat perbilangan Adat Perpateh berkata, "Adat yang berjenjang naik dan bertangga turun." Ini ada-lah menentukan sekatan kuasa2 bagi pegawai2 dalam tadbiran Adat itu. Umpama-nya Lembaga itu ialah ketua bagi seluroh suku-nya itu, dan sekira-nya ada satu2 hal dalam suku itu yang timbul, maka perkara itu mesti-lah di-bawa kepada pengetahuan Lembaga itu dulu sebelum di-bawa kepada pengetahuan Undang mithal-nya. Bagitu juga satu2 hal dalam perut itu mesti-lah di-selesaikan oleh Buapak itu terlebih dahulu sebelum di-bawa kepada Lembaga. Dan juga Undang itu ada-lah hasil lantekan daripada Lembaga2-nya.

"Kebulatan tua<sup>3</sup> boleh membuat atau memechat Undang." Dan juga satu2 keputusan mengenai tadbiran dalam luak yang di-ambil oleh Undang itu mesti-lah mendapat persetujuan2 Lembaga2-nya atau Buapak2-nya mengikut susunan tadbiran luak itu.

Tetapi pada hari ini daripada kajian pertikaian2 di-Jelebu, di-Johol dan di-Rembau<sup>4</sup> terdapat kehenderungan bagi pehak Undang hendak chuba mengambil kuasa2 Lembaga itu ka-tangan-nya sendiri, mungkin dengan sengaja dan mungkin dengan tidak sengaja. Dalam pengambilan kuasa Lembaga oleh pehak Undang dalam rupa yang bagini nyata, maka terjadi-lah pertikaian2 antara pehak Undang dan pehak Lembaga atau Buapak2 yang tertentu. Dalam pertikaian ini bermacam-macam-lah perkara yang lain timbul, hal perselisihan persa-orangan hal hendak menjadikan saudara2-nya atau anak-buah-nya Undang, hal, hendak membawah kembali kedudukan Adat itu kepada sedia kala supaya pehak Lembaga akan mendapat kuasa yang lebeh banyak lagi daripada sekarang. Bagi pehak Undang pula, tindakan2 serang-balas teruätamanya kerana hendak menjaga keselamatan kedudukan-nya sendiri di-ambil-nya pula seperti menggunakan pengaruh-nya bagi memberhentikan pension2 Dato'2 Lembaga dan Buapak itu dan juga akan menggunakan kuasa dan pengaruh-nya bagi memechat pagawai2 yang chuba hendak mendatangkan tentangan2 terhadap-nya itu. Dalam pergadohan2 antara Lembaga dan Undang ini, pehak kerajaan sentiasa

- 
3. Bersamaan dengan Lembaga.
  4. Tidak dapat di-binchangkan dengan panjang dalam latehan ilmiah ini kerana kesingkatan ruangan.

menchuba sabepara bpleh-nya tidak menchampuri dalam pertikaian itu , dan meminta sadapat-dapat-nya pegawai2 Adat itu berselesaian dan berdamaian antara mereka . Dalam timbangan penulis pehak kerajaan ada-lah enggan sekali mengambil tindakan saperti bersetuju hendak memechat sa-orang Undang itu yang akan datang mendatangkan beberapa kerumitan dan membanyakkan urusan2 kerajaan . Pendek kata pehak kerajaan akan lebeh rela Lembaga2 atau Buapak2 itu yang bersangkutann dalam pertikaian itu supaya terpechat kerana pemechatan dan pemilehan Lembaga atau Buapak2 tidak mendatangkan tanggung-jawab kapada kerajaan. Di-samping itu pribadi sa-sa-orang Undang itu ada-lah menjadi factor yang kuat juga bagi menentukan kekuatan pengaruh-nya dalam luak itu . Dengan sechara tidak resmi Undang itu berpengaruh juga dalam hal menentukan chalon2 yang akan berjaya bagi jawatan2 saperti kadhi , guru ugama , inspector zakat dan alim2 kampong dalam luak itu .

#### 11. Perhubungan-nya dengan tadbiran kerajaan .<sup>1</sup>

Sabelum kedatangan tadbiran baru Undang itu ada-lah sa-olah2 sabagai sa-orang raja dalam luak-nya yang di-bantu oleh pegawai2-nya yang terdiri daripada Dato'2 Lembaga , Buapak2 dan pegawai2 lain bagi menjalankan barbagai-bagai kerja tadbiran luak-nya.<sup>2</sup> Dia-lah pengadil tertinggi , ia-lah menjadi ketua tentera , ketua Polis, pemungut chukai, pemimpin dalam segala hal bagi penduduk2 dalam luak-nya itu . Tetapi

dengan kedatangan tadbiran baru semua urusan2 tersebut di-ambil oleh berbagai-bagai jabatan yang tertentu seperti jabatan tadbiran , polis , kehakiman dan lain2 lagi . Keadaan hal ini bukan-lah teristemewa berlaku di-Negeri Sembilan sahaja bahkan juga ada-lah perkara umum bagi seluruh negeri2 di-Persekutuan Tanah Melayu ini . Berhubung dengan kerajaan pusat , Undang itu ada-lah juga mempunyai kuasa2 yang tertentu seperti yang termaktub dalam perlembagaan Negeri Sembilan . Satu2 perjanjian yang hendak di-buat mengenai Negeri Sembilan persetujuan dan tanda-tangan Dato'2 Undang itu ada-lah di-perlukan , sama juga kuasa-nya dengan Yang di-Pertuan Besar . Bersama dengan Yang di-Pertuan Besar , Dato'2 Undang itu juga mempunyai hak2 istemewa bagi meluluskan satu2 Undang2 dengan tidak menantikan Meshuarat Majlis Negeri kalau di-fikirkan-nya perlu . Tetapi kuasa2 ini ada-lah tersimpan dalam perlembagaan saja , sedangkan dalam amalan-nya tidak pernah di-gunakan oleh Dato'2 Undang itu .

c. Lembaga dan Buapak .

Sabelum kedatangan tadbiran baru , Lembaga itu ada-lah ketua dalam suku-nya itu dalam berbagai-bagai lapangan , baik tadbiran mau pun social . Dia-lah yang membahagikan tanah2 dalam suku-nya itu kepada peminta 2 , menyelesaikan pergadohan2 dan memberikan sabarang pimpinan dalam suku-nya itu dan dia-lah juga tokoh yang paling di-hormati dalam suku -nya itu . Bagitu juga kedudukan Buapak dalam satu2 perut itu . Tetapi dengan kedatangan tadbiran baru

sabahagian besar kuasa dan kerjaya ini di-ambil oleh Penghulu Mukim iaitu satu jawatan yang di-wujudkan oleh tadbiran baru itu. Aneh juga bagi memahami kejadian ini kalau tidak meneropong masyarakat itu dengan sechara dekat. Kuasa seperti mengeluarkan tanah baru itu memang sewajar-nya-lah berpindah ka-tangan kerajaan kerana kuasa ini memang di-ambil oleh kerajaan dengan sachara resmi, tetapi kuasa sabagai menyelesaikan pergadohan kecil dalam kampung itu dan juga urusan yang berkehendakkan pimpinan Lembaga atau Buapak pada masa dulu itu tidak sekali-kali di-sentuh oleh pihak kerajaan dan namun demikian kuasa sa-umpama ini juga turut lari ka-tangan pegawai kerajaan itu sedangkan tradisi telah berjalan dalam masyarakat Adat Perpateh itu beberapa lama. Beberapa factor bagi menerangkan kejadian ini telah pun dibinchangkan dalam pengkajian ini, umpama-nya pekerjaan pegawai kerajaan itu lebeh chekap lagi daripada pekerjaan pegawai Adat itu, tempat tinggal pegawai Adat itu selalu-nya berjauhan daripada kampung anak-buah-nya, pegawai Adat itu sendiri tidak memberikan perhantian yang berat kepada kedudukan anak-buah-nya. Bukan sahaja kuasa-nya telah berpindah dan hilang, bahkan juga penghormatan yang di-berikan kepada Dato Lembaga dan Buapak itu oleh anak-buah-nya telah merusut sekali. Beberapa factor telah juga di-binchangkan atas kejadian ini, di-antara-nya ukuran baru yang di-berikan kepada nilai-hidup. Orang kampung itu akan lebeh menghormati orang yang berpelajaran tahu membachadan menulis apalagi pegawai kerajaan. Satu kuasa tadbiran lembaga yang maseh jelas tinggal ia-lah berhubong dengan tuntutan

dan jualan tanah pusaka ,<sup>4</sup> Satu2 penuntutan dan penjualan tanah pusaka hendak-lah mendapat persetujuan Dato' Lembaga dan di-sini pun pegawai kerajaann yang bersangkutan dalam urusan ini ada-lah lebeh berkuasa lagi

2. Kedudukan yang sabenar-nya tentang pemilehan Yang di-Pertuan Besar , Undang , Lembaga dan Buapak .<sup>4</sup>

Pemilehan Yang di-Pertuan Besar pada hari ini tidak menimbulkan apa2 kesulitan , semua sharat2-nya telah di-maktubkan dalam perlembagaan Negeri Sembilan .<sup>3</sup> Dan di-samping itu juga salasilah keluarga yang berhak menuntut jawatan itu semua-nya terang dan nyata . Tetapi pemilehan sa-orang Undang , Lembaga , dan Buapak , selalu-nya menimbulkan pergadohan , perselisihan , putar-belit dan pertikaian yang berkepanjangan Pada teori-nya pemilehan itu ada-lah senang dan nyata , iaitu mengikut aturan giliran -nya .<sup>4</sup> Yang menjadi kesulitan besar ia-lah bagi menentukan giliran itu kerana tidak ada salasilah2 bagi perut2 dalam suku itu yang di-bukukan atau di-tuliskan , semua-nya "main ingatan saja " .<sup>4</sup> Dalam keadaan demikian sidah samesti-nya beberapa hal yang tidak adil berlaku . Pehak yang lebeh bijak dan pandai dan kuat akan mengalahkan pehak yang lemah dalam tuntutan pusaka itu walaua sekali pun pehak yang lemah itu benar , dan sabalek-nya kalau kedua-dua pehak yang menuntut itu sama2 kuat dan bijak maka terjadi-lah pertikaian yang berkepanjangan .<sup>4</sup>

### 3. Sejauh mana-kah Adat ini masih di-hormati dan di-hargai .

Dalam kata-pengantar dulu telah di-nyatakan bahawa pengkajian ini ada-lah terbatas kepada hal tadbiran dan tadbiran Adat ini ada-lah terwujud dalam erti kata yang sebenarnya pada peringkat luak , suku dan perut sahaja . Untuk mengukur sejauh mana-kah Adat ini masih di-hormati dan di-hargai kita boleh memandangnya daripada dua segi , pertama segi kerajaan dan kedua segi masyarakat itu sendiri .

Umum-nya dalam hal tadbiran , Adat ini tidak mempunyai kerja yang mustahak benar lagi . Pendek kata dengan ketiadaan Adat , masyarakat itu boleh berjalan dengan tidak terganggu. Sa-sungguh-nya factor yang kuat bagi mengekalkan tadbiran Adat itu ( mungkin dengan tidak sechara langsung ) ia-lah kerajaan , terutama-nya dengan jalan memberikan pension kepada Undang , Dato<sup>2</sup> Lembaga dan lain<sup>2</sup> lagi . Penulis juga berpendapat bahawa satu<sup>2</sup>-nya kuasa Lembaga yang masih tinggal dalam hal penuntutan dan penjualan tanah pusaka itu akan terus hilang sekira-nya kerajaan menghapuskan Undang<sup>2</sup> 215 itu . Ini bukan-lah bermaana bahawa pihak kerajaan itu mempunyai "kaseh-sayang" dan kesungguhan hendak mempertahankan Adat itu , tetapi langkah itu di-ambil-nya ia-lah kerana hendak menyenangkan dan melichinkan perjalanan tadbiran negeri . Sekira-nya pihak pegawai<sup>2</sup> Adat itu tidak mendatangkan apa<sup>2</sup> bantahan dan gangguan terhadap urusan tadbiran, pihak kerajaan akan berpuas hati . Oleh itu boleh di-ambil kesimpulan di-sini bahawa sikap kerajaan terhadap Adat

itu ia-lah menjaga sa-panjang masa supaya Adat itu dudok diam dengan tidak mendatangkan apa2 tentangan kapada perjalanan tadbiran kerajaan, dan pada pendapat penulis sa-takat ini-lah sahaja pehak kerajaan menghormati dan menghargai Adat itu.

Untuk mengukor sejauh mana-kah penghormatan dan penghargaan masharakat itu kapada Adat, kita tidak dapat mengambil simpulan yang mutlak dan bagitu tegas saperti hal kerajaan di-atas. Proses pertukaran masharakat itu sendiri daripada keadaan traditional kapada modern belum lengkap dan kemas lagi. Dalam urusan tadbiran yang boleh di-pandang dari luar, sudah jelas bahawa masharakat itu meninggalkan Adat dan berlindung kapada tadbiran kerajaan, tetapi dalam hal perasaan atau "emotion" masharakat itu maseh juga terikat kapada Adat. Umpama-ny dalam satu2 pergadohan atau satu2 pemimpinan, masharakat itu dengan rela-nya mengadu atau mengikut panduan pehak kerajaan dan ini mereka sudah boleh meninggalkan Adat dengan senang hati, tetapi sabalek-nya mithal-nya dalam penuntutan kapada satu2 jawatan Adat (sungguh pun jawatan itu tidak membawa apa2 pension) anggota masharakat itu maseh juga sanggup sa-olah2 bermati-matian hendak mendapatkan jawatan itu. Hal ini juga boleh di-lihat apabila U.M.N.O. Rembau hendak menghapuskan Undang2 215. Sa-sungguh-nya sabahagian besar penduduk2 Rembau ada-lah menentang tindakan U.M.N.O. ini. Bahkan dalam amalan-nya alim2 ulama itu sendiri ada-lah menghormati dan menurut Undang2 ini. Tetapi haluan kuat bagi masharakat itu ia-lah meninggalkan Adat itu. Dalam pengajian



ini telah di-binchangkan dengan lebar-nya factor2 yang melemahkan dan membawa Adat itu kepada keruntuhan-nya, terutama-nya di-sebabkan oleh kedatangan tadbiran baru. Tetapi factor yang tidak kurang juga kuat-nya bagi meruntuhkan Adat itu ia-lah pertukaran masharakat itu sendiri dan juga nilai hidup dalam masharakat itu. Chara ~~Adat Perpatih~~ juga nilai ~~hidup~~ penghidupan masharakat itu tidak lagi semata-mata berasaskan kepada pertanian yang memerlukan persatuan, iaitu satu dasar masharakat Adat Perpatih yang paling penting, dan juga masharakat itu tidak tertumpu lagi dalam lingkungan bersuku-suku yang kuat malahan telah mula berpechah-pechahan dan berderai-derai. Bagitu juga tentang nilai hidup, masharakat itu tidak lagi memandang tinggi terhadap pegawai2 Adat. Tetapi sunggoh pun Adat itu menuju ka-arrah keruntuhan, masharakat itu akan menentang sabarang rupa langkah yang nyata dan bersengaja di-gunakan untok ini sabagai yang terdapat dengan tindakan U.M.N.O. kepada Undang2 215 itu. Dengan pendek-nya boleh-lah di-katakan Adat itu akan mati dengan sendiri-nya.

Penghujongan ISummary

This Exercise deals with the political system of Adat Perpatih in Negeri Sembilan. There is a substantial literature on this subject particularly<sup>1</sup> in the Journals of the Royal Asiatic Society Straits Branch and Malayan Branch and also in the Papers on Malay Subjects. But the writer feels that most of the literature are mainly concerned with the theoretical side of the system, neglecting the far more important aspect of it, namely the actual everyday running of the Adat especially at the present day. It is this field that the writer tries to explore.

The study envisages three main purposes: a) to examine the actual position of the Yang di-Pertuan Besar, Undang, Lembaga and Buapak in the past and at the present day,<sup>2</sup> b) to examine the actual situation, both from the theoretical and practical procedure as to how the elections of the Yang di-Pertuan Besar, Undang, Lembaga and Buapak are being carried out, c) to estimate how far the Adat is still being respected and valued by the society and the Government.

- 
1. Refer to Sumber2 Pembachaan.
  2. Before and after the introduction of State Administration.

In the Exercise the positions of the Yang di-Pertuan Besar, Undang, Lembaga and Buapak have been analysed before and after the introduction of the State Administration<sup>3</sup> up<sup>4</sup> to the present day. The results indicate, that with the coming of the State Administration, the position of the Yang di-Pertuan Besar has much been uplifted and his powers enhanced, that of the Undang on the whole has much been weakened, and that of the Lembaga and Buapak has been deteriorating rapidly. Several causes and factors which contribute to the change have been given and discussed at some length.

With regards to the second purpose, certain specific examples have been given and analysed. The conclusion shows, in the election of a Yang di-Pertuan Besar, no difficulty arises; the procedure is being laid down well and clearly even in the State Constitution, but in the election of an Undang, Lembaga, Buapak, several problems emerge, for instance which "perut"<sup>4</sup> is entitled to the "giliran"<sup>5</sup> and in the perut who is the most competent and rightful to the claim of the "pusaka".<sup>6</sup> The election of an Undang, Lembaga, Buapak, can in fact be described as the source of endless intrigues and disputes. The system of "giliran" does not look so simple and easy in its actual practice.

---

3. Brought by the British in 1895.

4. Sub-clan.

5. Rotation.

6. Offices in Adat.

Finally the question of how far the Adat is being respected and valued by the Government and the society. Several examples have been cited and analysed too. It is found out the Government respects and values the Adat in so far as it does not hinder the running of the administrative machinery of the State. Its attitude has always been to please and quieten the Adat officials. As to the attitude of the society towards the Adat it is quite difficult to estimate since the society is still in the process of changing from the traditional to the modern set up. In everyday life to a very great extent the people have ignored the administrative function of the Adat and have come over to Government administrative machinery but "emotionally" they still cling to the Adat. Nevertheless the Adat is fast crumbling. And this is not only the characteristic of the society in Adat Perpatih in Negeri Sembilan but also the Malay society in general.

Penghujongan IISumber2 bacaanJournal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society.

1. A. Caldecott, Jelebu Customary Songs and Sayings, No. 78  
(LXXVIII) 3-41.
2. C.W.C. Parr and W.H. Mackray, Rembau, Its History, Constitution  
and Customs, No. 56.
3. D.F.H. Hervey, Rembau, XLIII, 241-258.
4. H.A. O'Brien, Jelebu, XLV, 337-343.
5. M. Lister, The Negri Sembilan, Their Origin and Constitution,  
XLX, 35-53.
6. R.J. Wilkinson, Sungai Ujong, LXXXIII, 123-141.
7. R.N. Bland, Aturan Sungai Ujong, XXVIII, 53-72.
8. Some Rembau Customary Sayings, Vol. VI pt. 4, 54-53.

Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society.

1. Abdul Aziz bin Khamis, Adat Kuala Pilah, Vol. XLV, pt. 3,  
190-225.
2. E.N. Tailor, The Customary Law of Rembau, VII, pt. 1, 1-283.
3. Hyde A., Naning Teromba, Vol. XLX pt. 1, 131-136.
4. Winstedt, Sir Richard, A History of Negri Sembilan, Vol. XII,  
pt. 3, 41-111.

Papers on Malay Subjects .

1. A. Caldecott , (second series), No. 1., Jelebu , Its History and Constitution .
2. J.E. Nathan and R.O. Winstedt , (second series) pt. 4 , Johol , Inas , Ulu Muar ,Jempul , Gunong Pasir and Terachi, Their History and Constitution .
3. R.J. Wilkinson , Law , Part 1 , Introductory Sketch .
4. R.J. Wilkinson , (second series) No.2 , Sri Menanti .

Buku2 lain .

1. Buyong Adil , Sejarah Alam Melayu , Penggal V , (1940)
2. G.A. de C. Moubray , Matriachy in the Malay Peninsula ,(1931)
3. J.M. Gullick , Indigenous Political Systems of Western Malaya, (1958 )
4. Newbold , British Settlement in the Straits of Malacca,(1839)
5. P.E. Josselin De Jong , Minangkabau aand Negeri Sembilan Socio-Political Structure in Indonesia , (1951 )
6. Shahba , Pusaka Naning , (1951)
7. S. Takhdir Ali Shahbana , Puisi Lama ,(1954)

Penghujongan IIIDi-antara Orang2 Yang Di-TemuiPegawai2 Adat.

Dato' Undang Johol.  
 Dato' Undang Jelebu.  
 Dato' Naning.  
 Dato' Klana Petra Sungai Ujong.

Dato' Ombi, Jelebu.  
 Dato' Baginda Tan Mas, Johol.  
 Dato' Jenang, Johol.  
 Buapak Enam, Johol.

Dato' Sinda Maharaja, Rembau.  
 Dato' Kanda Singah, Rembau.  
 Dato' Langsa Hj. Sulaiman (terpechat), Rembau.  
 Laksamana Idris, Bongek, Rembau.  
 Menteri Shaari, Bongek, Rembau.  
 Katib Hj. Tahar, Bongek, Rembau.  
 Tengku Besar, Tampin.  
 Dato'2 Penghulu Repah, Keru, Tampin Tengah.

Pegawai2 Tadbir Kerajaan.

Timbalan Menteri Besar, Negri Sembilan.

Pegawai Jajahan Rembau.  
 Penolong Pegawai Jajahan Rembau.  
 Penolong Pegawai Jajahan Tampin.  
 Penolong Pegawai Jajahan Kuala Pilah.

Che' Mohd. Jan, kerani Pejabat Tanah Tampin.  
 Che' Shukor, kerani Pejabat Tanah Tampin.  
 Settlement Officer, Tampin.  
 Che' Adam Kassim, kerani Pejabat Tanah Rembau.  
 Che' Abdullah Hj. Dahir, kerani Pejabat Tanah Rembau.

Che' Itam Ahmad, ketua kampong Bongek, Rembau.  
 Che, Mohd. Nor Ahmad, ketua kampong Pedas, Rembau.

Ahli2 Ugama.

Hj. Zainuddin, Repah Tampin.  
Mufti Negri Sembilan.

Pegawai2 Jabatan Ugama Negeri Sembilan.

Che' Abbas, Penolong Ketua Ugama.  
Che' Yaacob, kerani.  
Kerani Besar Pejabat Ugama.

Guru2 Sekolah<sup>1</sup>

Che' Kassim Yusof, Sekolah Umum Rahang, Seremban.  
Che' Hassan Ujang, Sekolah Umum Astana Raja, Rembau.  
Che' Abd. Samad, Sekolah Umum Chembong, Rembau.  
Che' Dol, Tengku Besar School Tampin.  
Che' Ibrahim Hj. Maamor, Tengku Besar School Tampin.

Lain2.

Che' Gu Abbas Ali, K.G.V. School, Seremban.  
Hj. Maamor, kedai kopi Chengkau, Rembau.  
Che' Mohd. Zain, kedai gunting Chengkau, Rembau.  
Che' Jabar Sidin, Mahasiswa University Malaya.  
Saudara Hassanry, Mahasiswa University Jakarta.

---

1. Semua-nya orang kuat dalam U.M.N.O.



Penghujongan IVPerbilangan Adat Yang Memberi Panduan1. Susunan tadbiran.<sup>1</sup>

Alam beraja,  
Luak berpenghulu,  
Suku bertua.  
Anak beribu-bapa.  
Orang semenda bertempat semenda.

2. Sekatan kuasa.<sup>1</sup>

Adat yang berjanjang naik, bertangga turun;  
Berlukis berlembaga,  
Bertiru bertauladan

3. Kuasa<sup>2</sup> tadbiran pegawai<sup>2</sup> Adat.<sup>1</sup>

Raja sa-keadilan,  
Penghulu sa-Undang,  
Tua sa-lembaga,  
Waris sa-pesak,  
Ibu-bapa sa-adat,  
Tempat semanda satu shahadat,  
Orang semenda sa-resam.

Raja berdaulat,  
Penghulu berandika:  
Raja bertitah,  
Penghulu bersabda;  
Raja berkhalifah,  
Penghulu bersuku.  
Undang berkelantasan,  
Lembaga bersekat.  
Raja bersejarah,  
Penghulu bersalasilah,  
Lembaga berteromba.

Raja berdaulat dalam alam-nya,  
Penghulu bernobat dalam suku-nya,  
Buapak bernobat dalam anak-buah-nya,  
Orang banyak bernobat dalam teratak-nya.

---

1. Di-kutip daripada Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society, No. 78.: Jelebu Customary Song and Sayings oleh A. Caldecott.

4. Pemilihan dan Pemecatan pegawai<sup>2</sup> Adat.<sup>1</sup>

Patah tumbuh, hilang berganti.  
 Ganti hidup berkeredlaan,  
 Ganti mati berkebulatan.  
 Kebulatan anak buah membuat atau memechat buapa;  
 Buapa bulat, waris-nya rapat, membuat atau memechat tua;  
 Kebulatan tua, boleh membuat atau memechat undang;  
 Undang bulat, lembaga rapat, waris sedia, membuat atau  
 memechat raja.

5. Penurunan harta pusaka.<sup>1</sup>

Pesaka  
 Yang bersesapan, yang berjerami,  
 Bertunggul, berpemaranan.

Sah batal ka-pada sa-kadim;  
 Kata berchari ka-pada waris-nya;  
 Tinggal waris menongkat;

Tinggal sa-kadim melintang;  
 Tinggal harta bertuan ta' jadi;  
 Tinggal tua batal.

6. Pembahagian harta.<sup>1</sup>

Chari bahagi,  
 Dapatan tinggal,  
 Pembawa kembali,  
 Kutu di-belah,  
 Suarang di-ageh,  
 Rugi laba pulang ka-tempat semenda,  
 Nyawa darah pulang ka-pada waris.

---

1. Di-kutip daripada Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society, No. 78.: Melebu Customary Song and Sayings oleh A. Caldecott.

7. Adat Temenggong dan Adat Perpateh.<sup>1</sup>

Ka-laut adat Temenggong:-  
 Siapa menjala, siapa terjun,  
 Siapa salah siapa bertimbang,  
 Siapa berhutang, siapa membayar,  
 Siapa membunuh siapa kena bunoh.

Ka-darat adat Dato' Perpateh:-  
 Hutang nan berturut, chagar bergadai;  
 Chinchang pampas, bunoh beri balas.

8. Hidup tolong menolong.<sup>1</sup>

Dudok kita berpelarasan,  
 Berdekat rumah, dekat kampung,  
 Boleh minta-meminta,  
 Akan jengok-menjengok  
 Sakit dan pening.  
 Sa-jamban sa-perulangan,  
 Sa-pergi sa-permandian;  
 Tanah-nya datar, ayer-nya jerneh,  
 Muafakat-nya esa.

Kundor menjalar ka-ulu,  
 Labu menjalar ka-hilir,  
 Puchok-nya sama di-gatas,  
 Buah-nya sama di-tarek:  
 Dekat rumah dekat kampung;  
 Sa-kampung sa-permainan,  
 Sa-jamban sa-permandian.

9. Perhubungan Negeri Sembilan.<sup>2</sup>

Beraja ka-Johor,  
 Bertali ka-Siak,  
 Bertuan ka-Minangkabau.

- 
1. Di-kutip daripada Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society, No. 78.: Jelebu Customary Song and Sayings oleh A. Caldecott.
  2. Di-kutip daripada Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society, Parr and Mackray, Rembau, Appendices.

10. Asal penduduk Rembau.<sup>2</sup>

Gagak Itam, gagak semui,  
Turun di-bukit berkaki empat,  
Bangau putih datang di-laut,  
Berkepak saiap.

11. Kedudukan Yang di-Pertuan.<sup>2</sup>

Ada pun Raja itu tiada mempunyai  
Negeri dan tiada menchukai  
Kharjat, melainkan berkeadilan  
Sahaja, serta permakanaan duit  
Sasuku, beras sa-gantang,  
Nior satali.

12. Kuasa Undang dan Lembaga.<sup>2</sup>

Pesaka Undang berkelantasan  
Pesaka Lembaga bersekat  
Tali pengikat daripada Lembaga,  
Kris penyalang daripada Undang;  
Pedang pemanchong daripada keadilan.

13. Kuasa serta kedudukan ibu-bapa.

Aturan Ibu-bapa di-dalam  
Anak-buah-nya:  
Satu ekor kambing adat-nia,  
Dan pakaian tilam terbujur,  
Bantal bersusun, tabir terpasang,  
Langit<sup>2</sup> terbantang, rebana di-pukol  
Inai di-tarekkan, Ibu-bapa  
Sa-adat dengan Besar.

14. Hidup bersaudaraan.<sup>2</sup>

Laksana sireh sa-rumpun,  
Laksana nior sa-tali,  
Sa-ikat ba'lembing,  
Sa-bungkus ba' nasi,  
Sa-kuchong ba' kuah,  
Berlapis ba' sawah.

---

2. Di-kutip daripada Journal of the Straits Branch of the  
Royal Asiatic Society, Parr and Mackray, Rembau, Appendices.

15. Asas tadbiran, di-Sungai Ujong, Jelebu, Rembau dan Johol.<sup>3</sup>

Aturan Sungai Ujong: berundang, berkeadilan, berteromba,  
bersalasilah.

Aturan Jelebu: berundang, berkeadilan, berlembaga.

Aturan Rembau: berundang, berlembaga.

Aturan Johol: berundang, berteromba, bersalasilah.


16. Kedudukan To' Jenang dan Undang di-Johol.

Takeh kayu Batin Jenang,  
Putus tebus pada Undang.


---

3. Di-kutip daripada Papers on Malay Subjects, Nathan and Winstedt, Johol.

Penghujungan V



Peta Menunjukkan Sempadan2 Jajahan Negeri Sembilan.

Penghujung VI

Peta Menunjukkan Kedudukan Luak2 Dan Daerah2 Mengikut

Tadbir Adat.